

Bantuan mangsa banjir tertumpu di Kangar

Oleh FAIZAL NAZARUDDIN

faizal.nazaruddin@kosmo.com.my

KANGAR – Operasi bantuan dan menyelamatkan mangsa banjir di Perlis kini tertumpu di sekitar bandar ini apabila jumlah penduduk yang dipindahkan terus

meningkat berbanding mangsa di Padang Besar dan

Arau yang kebanyakan mereka mula pulang ke rumah masing-masing sejak semalam.

Sehingga petang semalam, seramai 3,498 mangsa daripada 948 keluarga di sekitar Kangar telah ditempatkan di 20 pusat pemindahan berbanding kira-kira 2,100 penduduk kelmarin.

Menurut jurucakap Bilik Gerakan Banjir negeri, jumlah keseluruhan mangsa banjir ialah seramai 4,168 orang daripada 1,121 keluarga yang ditempatkan di 31 pusat pemindahan.

“Selain Kangar, pecahan mangsa di Arau ialah seramai 443 orang daripada 119 keluarga di tujuh pusat pemindahan.

“Ramai mangsa banjir di Padang Besar telah dibenarkan pulang dan ketika ini hanya 227 orang daripada 54 keluarga masih berada di empat pusat pemindahan,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Setakat ini, jelas jurucakap itu, lebih 593 mangsa telah pulang yang kebanyakan mereka dari Padang Besar dan Arau.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri, Nishad Mohamed Mohd. Shaffy berkata, pihaknya telah menutup dua daripada enam pintu Empangan Timah Tasoh dekat sini selepas paras air hampir kembali normal semalam.

“Rekod bacaan paras empangan tersebut kini 29.64 meter (m) berbanding 29.84 m kelmarin dan keadaan air di beberapa sungai utama juga dilaporkan semakin surut kecuali Sungai Perlis di Kangar,” ujarnya.

Difahamkan, paras air di Sungai Perlis sehingga tengah hari semalam direkodkan pada bacaan 3.64 m berbanding paras



UMAT Islam mengharungi banjir untuk menunaikan solat Jumaat di Masjid Putra, Kangar semalam.



DUA orang guru mengemas barang-barang pejabat di Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Hassan, Kangar yang dinaiki air semalam.

KIRI: ZAHRI (tiga dari kanan) bersama Pengarah Pelajaran Perlis, Mansor Lat (dua dari kanan) meninjau keadaan sebuah sekolah yang ditenggelami banjir di Kangar semalam.

normal 3.50 m, manakala Hulu Empangan Timah Tasoh pula pada bacaan 29.64 m berbanding normal 24.60 m.

Dalam pada itu, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran, Zahri

Aziz memberitahu, sebanyak 21 buah sekolah terpaksa ditutup ekoran ditenggelami air sejak Selalu lalu dan pihaknya telah mengarahkan Jabatan Pelajaran negeri supaya membuat

bancian kerosakan.

“Seramai 4,587 pelajar dan 487 guru, serta 137 kakitangan akademik dan sokongan di Perlis terjejas dalam bencana banjir ini,” ujarnya.